

Tarbiyah Pengasas Siri 59
5 Disember 2023

CARA ISDEV MENANGANI GELAGAT PELAJAR

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Prof Dr Abd Aziz Yusoff

Dalam Tarbiyah Pengasas Siri 58 bulan lepas, Prof sudah terangkan bermacam gelagat pelajar yang Prof pernah hadapi. Sekarang bolehkah Prof kongsi apakah strategi yang telah diambil oleh Prof untuk menghadapinya?

Jawapan

1. Strategi - Setakat yang saya ingat ada paling kurang 14 strategi yang digunakan di ISDEV dalam berhadapan dengan gelagat-gelagat pelajar tersebut, yakni:
 - i. Anggap pelajar sebagai kiriman Allah (*hawariyyun*)
 - ii. Anggap ISDEV sebagai kilang proses kebaikan
 - iii. Tekankan kepada realisasi adab guru-murid
 - iv. Kenal *character* setiap pelajar (kekuatan aqal, perasaan, fizikal, dan juga perjalanan bathin mereka)
 - v. Didik dengan kasih sayang
 - vi. Beri perhatian kepada pelajar yang nakal
 - vii. Guru kena bersifat *multi-tasking*
 - viii. Sembunyikan keaiban pelajar
 - ix. Marah dengan hati, jangan marah dengan nafsu
 - x. Tidak rendahkan potensi pelajar walau mereka tidak cerdik, kena terus didik

- xi. Sentiasa memberi peluang kepada pelajar yang tidak putus asa
- xii. Didik dengan banyak musafir
- xiii. Memberi contoh tauladan yang baik
- xiv. Sentiasa berdoa dan munajat untuk pelajar secara istiqamah

2. Huraian kepada keempat-empat belas strategi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Anggap pelajar sebagai kiriman Allah (*hawariyyun*)
 - ❖ ISDEV tidak boleh dibangunkan seorang diri, mesti ada Jemaah.
 - ❖ Jemaah mesti ada ahli-ahlinya. Ahli yang terbaik ialah ahli yang dikirimkan Allah SWT. Kena minta dengan Allah SWT.
 - ❖ Ahli-ahli sedemikian boleh jadi *hawariyyun* (seperti sahabat setia dan pembantu (agama) Nabi Isa):

“Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu penolong-penolong (agama) Allah sebagaimana Isa putra Maryam telah berkata kepada pengikut-pengikutnya yang setia, “Siapakah yang akan menjadi penolong-penolongku (untuk menegakkan agama) Allah?” Pengikut-pengikutnya yang setia itu berkata, “Kamilah penolong-penolong (agama) Allah,” lalu segolongan dari Bani Israil beriman dan segolongan (yang lain) kafir; lalu Kami berikan kekuatan kepada orang-orang yang beriman terhadap musuh-musuh mereka, sehingga mereka menjadi orang-orang yang menang.” (surah As-Shaf ayat 14).

- ❖ Semua warga ISDEV (pensyarah, pelajar, pentadbir) dianggap (dan diharapkan jadi) *hawariyyun*.
- ii. Anggap ISDEV sebagai kilang proses kebaikan
- ❖ “Hawariyyun” yang Allah kirimkan tentulah datang daripada pelbagai latarbelakang keluarga, akademik dan sebagainya.
 - ❖ Jadi semuanya kena diproses untuk jadi *hawariyyun* yang sebenar.
 - ❖ ISDEV adalah “kilang” yang memperosesnya.
 - ❖ Tidak boleh kecewa jika dalam proses itu masih ada banyak gelagat yang tidak selari dengan sifat *hawariyyun*.
- iii. Tekankan kepada realisasi adab guru-murid, seperti mana nasihat para ulamak:
- ❖ Habib Umar memberitahu muridnya: Seorang *tholabul ilim* (penuntut ilmu) tidak akan mendapatkan setetespun (walaupun sedikit) ilmu yang bermanfaat jika dia tidak **menghormati** gurunya”.
 - ❖ Al-Imam Ali bin Hasan Al-Aththas mengatakan: “Memperoleh ilmu, futuh dan cahaya yakni terbukanya hijab batin, adalah sesuai kadar adabmu terhadap gurumu. Kadar besarnya **gurumu di hatimu**, maka demikian pula kadar

besarnya dirimu di sisi Allah tanpa ragu" (*Al-Manhaj As-Sawiy: 217*).

- ❖ Imam Nawawi pernah mengatakan dalam kitab *At-Tahdzibnya* "Derhaka kepada orang tua dosanya bisa hapus oleh taubat, tapi **derhaka kepada ustazmu** tidak ada satupun yang dapat menghapusnya".
- ❖ Habib Abdullah Al-Haddad mengatakan; "Paling bahayanya bagi seorang murid, adalah **berubahnya hati gurunya kepadanya**. Seandainya seluruh wali dari timur dan barat ingin memperbaiki keadaan si murid itu, niscaya tidak akan mampu kecuali setelah **gurunya ridha kembali**" (*Adab Suluk Al-Murid: 54*).
- ❖ Para ulama ahli hikmah mengatakan; "Barangsiapa yang **mengatakan "kenapa?"** kepada gurunya, maka dia tidak akan bahagia selamanya" (*Al-Fataawa al-Hadiitsiyyah: 56*).
- ❖ Para ulama hakikat mengatakan; "70% ilmu itu diperoleh sebab **kuatnya hubungan (batin, adab dan baik sangka)** antara murid dengan gurunya"

iv. Kenal *character* setiap pelajar (kekuatan aqal, perasaan, fizikal, dan juga perjalanan bathin mereka

- ❖ Hanya guru bertaqwa sahaja yang dapat mengetahui perjalanan bathin pelajarnya)

- v. Didik dengan kasih sayang
- ❖ Kata Pengasas Siri 10 24.01.2020: “Pandanglah guru dan muridmu dengan **kebaikan, kasih sayang dan kecintaan**. Jangan pandang guru dan muridmu dengan keburukan, kebencian dan permusuhan, walau sejauh mana pun mereka”. Benci kepada mazmumahnya, jangan benci kepada dirinya)
- vi. Beri perhatian kepada pelajar yang nakal (dengan selalu menyebut dan mengambil berat tentang mereka, mengetahui tentang masalah mereka sebenarnya). Jangan abaikan mereka.
- ❖ Dulu masa **sekolah menengah**, saya dan kawan-kawan yang nakal diabaikan → jadi rebellious, pencabar guru (merokok), tidak suka kepada mata pelajaran (Sejarah) yang diajar guru tersebut.
 - ❖ **Menteri Besar Kedah** (Muhammad Sanusi Md Nor) juga mengalami dilema yang sama. Guru dan pengawas tidak berminat mahu tahu masalah, tetapi lebih berminat menghukum bila tidak ada tie, tidak ada kain sampin, tidak bayar yuran sekolah, lompat pagar sekolah ambil upah beli mi goreng, etc → hingga akhirnya beliau melepaskan perasaan dengan mengamuk sehingga digantung dan dibuang sekolah. Amukan tersebut adalah manifestasi penentangan kepada tekanan, pemberontakan, dendam, kegeraman, kesedihan dan kepiluan sebuah jiwa yang tercedera kerana tiada yang

memahami" (Muhammad Sanusi Md Nor, 2023. *Pegunan Perjalanan Hidup – Dinding Sekeping Adik Seorang*, Alor Setar, Kedah: MSR Inovasi Sdn Bhd)

- ❖ Saya ambil tauldan daripada **guru kerohanian** saya. Beliau berbuat baik kepada murid/pengikut yang "nakal" (dalam keilmuan, ketaatan, perjuangan, kehidupan), dan kadangkala membawa bermusafir untuk mendidik secara tidak langsung.

- vii. Guru kena bersifat *multi-tasking* (sebagai guru, pemimpin, ayah/ibu, abang/kakak, sahabat, dan sebagainya berasaskan Tauhid, Fekah (Syariah) dan Tasawuf).

- viii. Sembunyikan keaiban pelajar/pensyarah
 - ❖ Imam Nawawi ketika hendak belajar dengan gurunya, beliau selalu **bersedekah di perjalanan dan berdoa; "Ya Allah, tutuplah dariku kekurangan guruku**, hingga mataku tidak melihat kekurangannya dan **tidak seorang pun yang menyampaikan kekurangan guruku kepadaku"** (*Lawaqih Al-Anwaar Al-Qudsiyyah*:155).

 - ❖ Misalnya, bekas seorang murid menemui gurunya di sebuah majlis perkahwinan setelah berpuluh-puluh tahun tidak berjumpa, dan gurunya tidak kenal beliau, walaupun masa belajar murid tersebut telah mencuri jam tangan. Gurunya tidak kenal kerana, gurunya check dengan menutup

mata pelajar dan matanya sendiri, sehingga beliau bersara beliau tidak tahu siapa pencurinya, sehingga pelajar itu sendiri mengakui di pertemuan dengan guru tersebut di satu majlis perkahwinan tersebut.

- ix. Marah dengan hati, jangan marah dengan nafsu
 - ❖ Marah, tetapi hati tenang adalah lebih berkesan daripada marah dengan hati yang panas (nafsu)
 - ❖ Marah dengan nada rendah, penuh kasih sayang, bersifat menasihati, bukan bersifat menghukum, kecuali dalam keadaan yang sudah tidak dapat dibendung lagi.

- x. Jangan rendahkan potensi pelajar walau mereka tidak cerdik, kena terus didik
 - ❖ Misalnya Imam Syafie mengajar **slow learner Ar Rabi' bin Sulaiman** berkali-kali sehingga di bawa ke rumahnya untuk diajar secara peribadi, tetapi Ar-Rabi' tetap tidak faham apa yang diajar, sehingga Imam Syafie minta Ar-Rabi' mohon ilmu daripada Allah SWT sendiri. Ar-Rabi' membuktikan doa-doanya dengan kesungguhan dalam belajar, keikhlasan, kesolehan, dan kesungguhan sehingga akhirnya Ar-Rabi' menjadi ulama besar Mazhab As-Syafie, menjadi menjadi perawi Hadis yang sangat kredibel dan dipercayai dalam periwayatannya.

Di ISDEV, kesabaran dan komitmen Prof Madya Dr Zakaria Bahari dalam memastikan kejayaan pelajarinya boleh dijadikan contoh.

- xi. Sentiasa memberi peluang kepada pelajar yang tidak putus asa (misalnya pelajar *drop-out*)

Seperti cerita x di atas.

- xii. Didik dengan banyak musafir

- ❖ Banyak pengajaran yang didapati daripada bermusafir
- ❖ Misalnya *Syekh Abdul Qadir Al-Jailani* bermusafir dengan murid-muridnya, bertemu dengan seorang pemabuk yang bertanya tiga soalan:
 - a. Apakah Allah mampu mengubah pemabuk sepertiku menjadi ahli taat?”. *Syekh Abdul Qadir Al-Jalani* menjawabnya: “Tentu mampu, Allah Maha Kuasa”.
 - b. “Apakah Allah mampu mengubah ahli maksiat sepertiku menjadi ahli taat setingkat dirimu?”. Dengan penuh kasih sayang *Syekh Abdul Qadir Al-Jaelani* menjawabnya: “Sangat Mampu, Allah Maha Kuasa Atas segala sesuatu”.
 - c. “Apakah Allah mampu mengubah dirimu menjadi ahli maksiat sepertiku?”

Mendengar pertanyaan ke-3 itu Syekh Abdul Qadir Al-Jailani menangis tersungkur dan bersujud kepada Allah.

Murid-muridnya tertanya-tanya kenapa menangis. Syekh Abdul Qadir Al-Jailani menangis kerana takut kepada Allah, bila-bila masa saja Allah mampu mengubah nasib seseorang, tidak ada siapa yang boleh menjamin nasib seseorang meninggal dalam *husnul khotimah* kecuali Allah SWT)

Syekh Abdul Qadir Al-Jailani mengajar murid-muridnya agar tawadho' dan tidak berbangga dengan kelebihan yang ada pada mereka. Bila-bila masa sahaja Allah SWT boleh menariknya kembali.

- xiii. Memberi contoh tauladan yang baik (tepat waktu, tepat janji, itqan, disiplin, bersih, dan sebagainya)
- xiv. Sentiasa berdoa dan munajat untuk pelajar secara istiqamah (solat hajat, pahala baca al-Qur'an, mengadu kepada Allah SWT, misalnya pengalaman dengan pensyarah SOM, dan sebagainya).

Kesimpulan

Menangani gelagat pelajar tidak cukup dengan hanya bercakap, tetapi juga

1. Dengan fizikal (sifat, sikap, tindakan, amalan, kata-kata)
2. Dengan perasaan (kasih sayang, pemaaf)
3. Dengan air mata (berdoa, bermunajat)